

29/06/2001

PM nasihat peniaga jangan tiru idea orang

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu usahawan tempatan membuang tabiat suka meniru orang lain dalam mengendalikan perniagaan, sebaliknya mengeluarkan idea berinovatif, untuk berjaya.

Perdana Menteri berkata, tabiat meniru rancangan perniagaan orang lain harus dihentikan kerana ia adalah antara punca kegagalan dalam sebarang bentuk perniagaan.

Sebaliknya, langkah merangka pelan perniagaan dengan idea sendiri, lebih-lebih lagi perniagaan berasaskan teknologi maklumat (IT) yang memerlukan inovasi, menjamin kejayaan.

"Kita boleh lihat apabila satu gerai nasi lemak laku, 10 atau 20 gerai nasi lemak akan muncul di lokasi yang sama, begitu juga dengan kedai buku... setiap orang akan meniru apa yang lain lakukan.

"Kalau setiap orang meniru perniagaan orang lain pada setiap masa... ini akan menyebabkan perniagaan itu gagal," katanya pada majlis penyampaian anugerah Venture 2001, pertandingan menyediakan rancangan perniagaan Malaysia, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, negara membangun seperti Malaysia memerlukan rakyatnya dan masyarakat peniaga menghasilkan idea berinovatif, tetapi pada masa sama sentiasa memperbaiki idea lama.

Katanya, generasi muda sekarang menanggung beban dalam menghasilkan idea baru, terutama dalam bidang IT.

"Keluaran sampingan IT memberikan peluang kepada orang muda mengeluarkan idea baik dan idea-idea ini yang sesetengahnya masih lagi pada peringkat inkubator, harus dilaksanakan oleh usahawan," katanya.

Beliau berkata, pengetahuan dan idea adalah bahan penting bagi kejayaan perniagaan sekarang kerana idea baru dapat membuka laluan bagi perancangan yang lebih baik dan menguntungkan.

"Malaysia akan memikat pelabur asing yang mahu melabur di sini jika mereka melihat rakyatnya mengeluarkan idea dan produk baru untuk dunia," katanya.

Perdana Menteri yakin pertandingan itu akan berupaya mengumpulkan idea baru dengan bentuk perniagaan baru.

"Kita berharap mereka tidak berhenti di situ, tetapi cuba melaksanakan pelan perniagaan. Akhirnya kita akan dapat menyaksikan lebih banyak perniagaan baru di Malaysia, terutama sekarang ini sudah ada perniagaan berasaskan IT.

"Kita memerlukan mereka yang mempunyai idea kerana orang macam ini boleh berjaya dengan cepat. Sudah tentu lebih ramai golongan muda mempunyai idea yang baik memandangkan dunia IT kini memberi banyak idea samping," katanya.

(END)